

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : KOTA BHARU, KELANTAN
Tarikh : 21 APRIL 2003
Tajuk : PIDATO UMUM; BERITA MUTAKHIR SERANGAN BIADAP AMERIKA SYARIKAT DAN BRITAIN (SEKUTU-SEKUTUNYA) KE ATAS IRAQ ANJURAN MAJLIS TINDAKAN RAKYAT KELANTAN

Pencerobohan/Peperangan

- Pendirian Malaysia tentang tindakan Amerika Syarikat dan Sekutunya adalah merupakan suatu tindakan bersifat pencerobohan ke atas sebuah Negara yang berdaulat. Ini adalah kerana tindakan yang dibuat, yang dikatakan untuk òmembebaskanö rakyat Iraq dari kekejaman Rejim Saddam Hussein itu telah dilakukan secara 'unilateral' oleh Amerika Syarikat dengan sokongan kuat Britain dan Australia (dan sekutu-sekutu Amerika Syarikat yang lain). Tindakan secara unilateral ini tidak dibenarkan oleh Majlis Keselamatan PBB dan juga sebilangan besar masyarakat antarabangsa yang membantah pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya.
- Pencerobohan itu juga melanggar undang-undang antarabangsa, Piagam PBB dan yang pentingnya, prinsip-prinsip 'multilateralisme' yang kita semua perjuangkan. Tegasnya, pencerobohan dan serangan yang dilancarkan itu tidak ada 'legitimasi' di mata majority masyarakat antarabangsa.
- Ianya tidak masuk akal kita yang waras bahawa 'pre emptive' (tindakan dahuluan) diambil oleh sebuah negara kuasa besar yang melaung-laungkan prinsip demokrasi sebagai asas untuk mentadbir dunia dan sanggup mengambil tindakan sedemikian meskipun tidak ada asas-asas kukuh. Sehingga kini, tidak ada bukti yang dijumpai untuk mempertahankan alasan Amerika Syarikat yang Iraq mempunyai senjata pemusnah dan senjata kimia/bilogi.
- Di manakah letaknya demokrasi apabila pandangan majoriti masyarakat dunia diketepikan begitu sahaja. Kenapa tindakan sedemikian tidak diambil terhadap rejim Israel yang telah terbukti mengancam rakyat Palestin dan keamanan di Asia Barat? Ataupun Korea Utara yang telah mengaku mempunyai senjata nuklear? Semuanya ini jelas menunjukkan sikap Amerika Syarikat yang berat sebelah dan mengamalkan 'selectivity' dengan sesuka hatinya. Adakah Iraq, sebuah negara yang telah dikenakan sekatan ekonomi lebih daripada 12 tahun, boleh mendatangkan ancaman kepada Amerika Syarikat dan mengugut keamanan dunia. Ini perlu direnungi.
- Bagi Malaysia, pencerobohan yang dilakukan menunjukkan yang Amerika Syarikat mahu menduduki dan menjajah (occupying) Iraq bukan kerana Iraq mempunyai senjata pemusnah atau kimia/biologi atau untuk memerangi pengganas tetapi kerana alasan lain. Alasan-alasan tersebut yang boleh diketengahkan adalah:

i) Amerika Syarikat mahu menjajah Iraq supaya boleh mendapat minyak Iraq untuk kepentingan ekonomi mereka;

ii) memperkembangkan pengaruhnya ke negara-negara Arab di Asia Barat. Iraq adalah penaklukan kepada niat jahat Pentadbiran Amerika Syarikat itu. Kini, Syria pula dijadikan sasaran kerana dituduh mempunyai senjata kimia/biologi.

- Pencerobohan yang dilakukan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq adalah peperangan yang tidak adil (unequal war) dari segi kekuatan dan kelengkapan ketenteraan. Amerika Syarikat berbanding dengan Iraq mempunyai kekuatan dan kelengkapan senjata yang jauh lebih moden dan canggih. Iraq yang telah dikenakan sekatan ekonomi selama lebih dari 12 tahun tidak mempunyai keupayaan untuk membina kelengkapan ketenteraannya. Oleh itu, pencerobohan ini adalah merupakan juga suatu penindasan ke atas negara yang lemah.

- Malaysia berpendapat tindakan Amerika Syarikat boleh dianggap bertujuan menakluk dan menjajah Iraq. Kita membantah dengan keras tindakan ini kerana peperangan bukanlah cara untuk menyelesaikan masalah. Sebaliknya, ia mendatangkan masalah kepada rakyat Iraq yang tidak berdosa.

- Pendirian kita membantah tindakan Amerika Syarikat itu, bukan bermakna kita berpendirian 'anti-Amerika'. Kita tidak bersetuju dengan prinsip pentadbiran Amerika itu. Kita tetap menjalin hubungan dua hala dengan Amerika Syarikat. Pencerobohan Iraq, berkemungkinan akan meningkatkan semangat anti Amerika Syarikat, khususnya di kalangan orang-orang Islam. Ia juga boleh menjadi pemangkin kepada masyarakat Islam untuk bertindak-balas dan mewujudkan 'kelompok pengganas' menentang Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya. Hasilnya, dunia akan terus bergolak dan permasalahan akan berterusan lebih buruk lagi dalam keadaan ini, masyarakat Islam akan terus dianggap mengancam keamanan dunia. Amerika Syarikat akan menggunakan alasan ini untuk terus memerangi orang Islam.

- Situasi sedemikian, tidak dapat tidak akan terus membuat masyarakat Islam sentiasa sangsi terhadap negara-negara kuasa besar, terutamanya Amerika Syarikat. Ini adalah suatu keadaan yang amat berbahaya. Meskipun kita tetap sangsi dengan pihak negara berkuasa besar, kita perlu sentiasa berwaspada dan membuat pertimbangan dengan sebaik-baiknya dalam situasi ini. Masyarakat Islam, khususnya masyarakat Islam di Malaysia harus bijak melihat kesannya kepada negara sebelum apa-apa tindakan yang hendak diambil. Yang pentingnya, kita mesti mempertahankan maruah bangsa dan negara kita yang berdaulat.

Peranan PBB

- Kita berpendapat PBB, meskipun dianggap telah 'hilang upaya' menangani tindakan pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq, tetap merupakan satu badan dunia yang perlu terus berperanan dan bergerak sejajar mandat Piagam PBB bagi menjamin keselamatan dan keamanan dunia. Kita akui bahawa kredibiliti dan integriti PBB terhakis dengan kuat kerana tindakan Amerika

Syarikat yang membelakangi Majlis Keselamatan PBB menyebabkan kewibawaan badan dunia tersebut telah dipersoalkan.

- Namun demikian, dalam keadaan dunia yang diselubungi kemelut dan ketidaktentuan pada masa ini, setakat ini tidak nampak ada alternatif lain yang boleh meneruskan peranan ini. Maka, masyarakat antarabangsa perlu menerima hakikat yang keutuhan institusi PBB mesti ditingkatkan dengan pembaharuan-pembaharuan yang sesuai dilaksanakan. Inilah pendirian Malaysia.

- Meskipun, kita amat kecewa dengan PBB yang telah hilang 'taringnya', kita tidak boleh mengambil sikap negatif untuk PBB dikuburkan. PBB adalah, satu-satunya harapan bagi masyarakat dunia bergantung untuk memainkan peranan menangani konflik dan kemelut yang melanda dunia. Kita mesti pertahankan prinsip 'multilateralisme' sebagai satu kaedah yang akan memanafaatkan masyarakat antarabangsa.

- PBB mesti memainkan peranan utama dalam menangani keperluan membina semula Iraq dan juga didalam mentadbir Iraq selepas pencerobohan. Harap dengan cara ini, kewibawaan PBB dan kepercayaan masyarakat antarabangsa dapat dipulihkan. Negara-negara kuasa besar tidak boleh menidakkan suara majoriti masyarakat antarabangsa didalam hal ini.

Kesimpulan

- Malaysia tetap mempercayai bahawa keutamaan mestilah diberi kepada kewibawaan undang-undang antarabangsa, Piagam PBB dan prinsip-prinsip multilateralisme.

- Tindakan secara unilateral, biar apapun hasil atau kesannya, adalah merupakan satu bentuk ancaman kepada sistem multilateral perhubungan antarabangsa.

- Tindakan 'pre-emptive' mestilah ditolak sekeras-kerasnya kerana ianya adalah salah dan tidak dibenarkan oleh undang-undang antarabangsa.

- Meskipun hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat terjejas kerana pendirian kita membantah pencerobohan Amerika Syarikat dan sekutunya, kita masih menjalinkan hubungan dua hala dengan Amerika Syarikat didalam berbagai bidang.

- Kita telah menjelaskan kepada Amerika Syarikat tentang pendirian kita yang pendirian itu adalah berdasarkan 'prinsip' (principled position) untuk memastikan tidak ada negara-negara kuasa besar yang boleh bertindak sesuka hati. Ianya boleh mengancam kestabilan dan keamanan dunia.

- Amerika Syarikat menerima penjelasan kita dan harapan kita hubungan dua hala akan pulih ke tahap yang lebih memuaskan. Kita berharap Amerika Syarikat akan menerima kepentingan untuk menghormati tatalaku diplomasi 'multilateralisme' dan mempertahankan prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa supaya dunia tidak akan berbalik kepada sistem undang-undang primitif dan kuno; - 'law of the jungle'.
- Malaysia akan tetap berusaha dengan negara-negara lain, samada dalam konteks kita sebagai Pengerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali, Pengerusi Pertubuhan Negara-Negara Islam (mulai Oktober 2003) untuk memastikan supaya prinsip-prinsip multilateralisme menjadi pegangan dan amalan masyarakat antarabangsa. Biarpun, halangan dan tentangan yang akan dihadapi, Malaysia tidak akan berganjak daripada pendirian ini.